KEMENTERIAN SUMBER ASLI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
Ministry of Natural Resources,
Environment and Climate Change

JABATAN ALAM SEKITAR
Department of Environment

LAPORAN KUALITI ALAM SEKELILING 2022

ENVIRONMENTAL QUALITY REPORT

KEMENTERIAN SUMBER ASLI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
Ministry of Natural Resources,
Environment and Climate Change

JABATAN ALAM SEKITAR
Department of Environment



LAPORAN KUALITI ALAM SEKELILING 2022

ENVIRONMENTAL QUALITY REPORT

Sungai Kuantan, Pahang

ISSN 2636-9834

Designed and Printed by:
Sasyaz Holdings Sdn. Bhd. (219275-V)
31-2, Jalan PJU 7/16A,
Mutiara Damansara,
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
T: 03-7803-3754

Printed on Wood-free Paper

KANDUNGAN / CONTENTS

PRAKATA / PREFACE

Saya amat berbesar hati untuk membentangkan Laporan Kualiti Alam Sekeliling 2022 seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 3(1)(i) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Status kualiti udara di Malaysia ditunjukkan menerusi bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU). IPU bagi keseluruhan Malaysia pada tahun 2022 telah menunjukkan sedikit peningkatan bagi peratus IPU berstatus baik berbanding tahun 2021. Ini adalah kerana negara mengalami keadaan cuaca yang lebih lembap dan menerima hujan yang lebih banyak berbanding tahun sebelumnya yang mana keadaan ini telah mengurangkan kes-kes pencemaran udara di dalam negara. Tiada kejadian jerebu merentas sempadan direkodkan bagi tahun 2022 dan keadaan ini telah mengurangkan jumlah bilangan titik panas (hotspots) di dalam negara.

Status kualiti air sungai yang ditentukan menerusi Indeks Kualiti Air (IKA) menunjukkan peningkatan pada tahun 2022. Sebanyak 1,353 stesen pengawasan kualiti air manual dipantau dalam tahun 2022.

It is my pleasure to present the Environmental Quality Report 2022 as required under Section 3(1)(i) of the Environmental Quality Act 1974.

The air quality status is reported in terms of Air Pollutant Index (API). The API for the whole of Malaysia in 2022 has shown a slight increase in the percentage of good API status compared to 2021. This is due to the fact that the country experienced more humid weather conditions and received more rain than the previous year thereby reducing cases of air pollution in the country. No transboundary haze incidents were recorded for 2022 and this has reduced the total number of hotspots within the country.

The river quality in terms of Water Quality Index (WQI) showed a slight decrease in 2022. A total of 1,353 river station were monitored for water

"Alam Sekitar,
Tanggungjawab Bersama"

"Environment, Our Shared Responsibility"

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia
Director General of Environmental Quality Malaysia

Peratus bilangan sungai bersih adalah 74% pada tahun 2022 berbanding 73% pada tahun sebelumnya. Peratus bilangan sungai tercemar telah berlaku sedikit peningkatan daripada 3% pada tahun 2021 kepada 4% pada tahun 2022.

Pada tahun 2022, pengawasan kualiti air tanah yang dijalankan menunjukkan bahawa semua stesen berada dalam julat nilai pematuhan Standard Kualiti Air Tanah Bagi Rawatan Air Mentah Secara Konvensional (Air Minuman) kecuali bagi parameter arsenik (As), besi (Fe), mangan (Mn), klorida (Cl), sulfat (SO_4^{2-}), dan sebatian fenol mempunyai peratusan julat nilai pematuhan Standard Kualiti Air Tanah Bagi Rawatan Air Mentah Secara Konvensional (Air Minuman) yang rendah bagi guna tanah tertentu.

Dalam tahun 2022, daripada 368 stesen pengawasan kualiti air marin bagi pantai, muara sungai dan pulau di negara ini, sebanyak 149 stesen adalah terbaik, 69 stesen baik, 146 stesen sederhana manakala empat (4) stesen dikategorikan tercemar. Tiga (3) stesen tercemar berada di kawasan muara sungai manakala satu (1) stesen tercemar berada di kawasan pulau.

Sebanyak 5,915,073.84 tan metrik buangan terjadual telah dihasilkan. Ini mewakili penurunan keseluruhan sebanyak 21.19% berbanding 7,505,195.76 tan metrik yang dilaporkan pada 2021.

JAS akan terus mengukuhkan dan melaksanakan strategi, program dan aktivitinya dengan berkesan dalam menguruskan alam sekitar secara lestari.

quality in 2022. The percentage of clean river stations is 74% in 2022 compared to 73% in the previous year. The percentage of polluted river stations slightly increased from 3% in 2021 to 4% in 2022.

In 2022, the results derived from the groundwater quality monitoring showed that all stations were within the Groundwater Quality Standards for Conventional Raw Water Treatment (Drinking Water) values except for arsenic (As), iron (Fe), manganese (Mn), chloride (Cl), sulphate (SO_4^{2-}), and phenolics which had a low range of Groundwater Quality Standards for Conventional Raw Water Treatment (Drinking Water) value.

In 2022, out of the 368 marine water quality monitoring stations at coastal, estuary and islands in the country, 149 stations were excellent, 69 were good, 146 were moderate while the remaining four (4) stations were categorised as poor. Three (3) of the poor water quality stations were located at the estuary and one (1) station was located at the island.

A total of 5,915,073.84 metric tonnes of scheduled wastes were generated. This represents an overall decrease of 21.19% as compared to 7,505,195.76 metric tonnes reported in 2021.

DOE will continue to strengthen and implement its strategies, programmes and activities effectively in managing the environment sustainably.

Tasik Chini

Cameron Highlands

KUALITI UDARA

AIR QUALITY

BAB 1
CHAPTER



PENGAWASAN KUALITI UDARA
AIR QUALITY MONITORING

Indeks Pencemar Udara (IPU) bagi keseluruhan Malaysia pada tahun 2022 telah menunjukkan sedikit peningkatan bagi peratus IPU berstatus baik berbanding tahun 2021.

The Air Pollutant Index (API) for the whole of Malaysia in 2022 has shown a slight increase in the percentage of good API status compared to 2021.

IPU adalah dikira berdasarkan kepekatan enam **(6)** bahan pencemar utama / The API is calculated based on concentration of six (6) major pollutants:

- Ozon di Permukaan Bumi (O_3)
  Ground Level Ozone (O_3)
- Karbon Monoksida (CO)
  Carbon Monoxide (CO)
- Nitrogen Dioksida (NO_2)
  Nitrogen Dioxide (NO_2)
- Sulfur Dioksida (SO_2)
  Sulphur Dioxide (SO_2)
- Habuk Halus Bersaiz Kurang dari 10 Mikron (PM_{10})
  Particulate Matter of Less than 10 Microns in Size (PM_{10})
- Habuk Halus Bersaiz Kurang dari 2.5 Mikron ($PM_{2.5}$)
  Particulate Matter of Less than 2.5 Microns in Size ($PM_{2.5}$)

IPU / API	STATUS KUALITI UDARA / AIR QUALITY STATUS
0 – 50	Baik / Good
51 – 100	Sederhana / Moderate
101 – 200	Tidak Sihat / Unhealthy
201 – 300	Sangat Tidak Sihat / Very Unhealthy
> 300	Berbahaya/ Hazardous

68 Stesen pemantauan kualiti udara automatik di seluruh negara / Fully automatic air quality monitoring stations in the country

- **65** Stesen pemantauan tetap / Permanent monitoring stations
- **3** Stesen pemantauan mobil / Mobile monitoring stations

4 Jenis pengkelasan stesen kualiti udara mengikut guna tanah / Types of classification of air quality stations according to land use:

- Industri / Industrial
- Bandar / Urban
- Pinggir Bandar / Suburban
- Luar Bandar / Rural

4 Parameter menunjukkan penurunan kepekatan di udara iaitu PM_{10}, $PM_{2.5}$, O_3 dan CO bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021 di antara 1% - 8% / Parameters show a decrease in the level of PM_{10}, $PM_{2.5}$, O_3 and CO for the year 2022 compared to the year 2021 between 1% - 8%

2 Parameter menunjukkan peningkatan kepekatan di udara iaitu SO_2 dan NO_2 bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021 di antara 8% - 10% / Parameters show an increase in the concentration of SO_2 and NO_2 for the year 2022 compared to the year 2021 between 8% - 10%

46.1% Stesen menunjukkan IPU baik pada tahun 2022 untuk seluruh Malaysia / Stations show a good API in 2022 throughout of Malaysia

53.7% Stesen menunjukkan IPU sederhana pada tahun 2022 untuk seluruh Malaysia / Stations show a moderate API in 2022 throughout of Malaysia

0.2% Stesen menunjukkan IPU tidak sihat pada tahun 2022 untuk seluruh Malaysia / Stations indicate unhealthy API in 2022 throughout of Malaysia

KUALITI UDARA / AIR QUALITY

PENGAWASAN KUALITI UDARA

Pengawasan status kualiti udara dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui 65 stesen pengawasan kualiti udara yang ditempatkan di seluruh negara. Stesen-stesen pengawasan kualiti udara tersebut ditempatkan di lokasi yang dikategorikan sebagai kawasan bandar, pinggir bandar, perindustrian dan luar bandar bertujuan untuk mengesan sebarang perubahan ketara ke atas kualiti udara yang mungkin memberi kesan berbahaya kepada kesihatan dan alam sekitar. Satu stesen pengawasan kualiti udara dikategorikan sebagai latarbelakang yang menjadi penunjuk aras bacaan kualiti udara yang tidak terkesan dengan pencemaran udara di persekitaran.

Status kualiti udara di Malaysia ditunjukkan menerusi bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) dan bacaan IPU seluruh negara sentiasa dipaparkan di laman sesawang Jabatan *Air Pollutant Index Management System (APIMS)*. IPU adalah dikira berdasarkan kepekatan enam (6) bahan pencemar utama iaitu ozon di permukaan bumi (O_3), karbon monoksida (CO), nitrogen dioksida (NO_2), sulfur dioksida (SO_2), habuk halus bersaiz kurang dari 10 mikron (PM_{10}) dan habuk halus bersaiz kurang dari 2.5 mikron ($PM_{2.5}$). Pengiraan IPU adalah seperti di **ANNEX**. IPU ini dikategorikan sebagai baik, sederhana, tidak sihat, sangat tidak sihat dan berbahaya seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1.1**.

AIR QUALITY MONITORING

The Department of Environment (DOE) monitors ambient air quality throughout the country at 65 continuous monitoring stations. These monitoring stations are located in areas categorised as urban, sub urban, industrial and rural areas to detect any significant change in the air quality which may be harmful to human health and environment. One air quality monitoring station is classified as a background station, which becomes an indicator of air quality reading levels that are not affected by environmental air pollution.

The air quality status is reported in terms of Air Pollutant Index (API) and is constantly displayed on the Department's Air Pollutant Index Management System (APIMS) website. The API is calculated based on concentration of six (6) major pollutants, which are ground level ozone (O_3), carbon monoxide (CO), nitrogen dioxide (NO_2), sulphur dioxide (SO_2), particulate matter of less than 10 microns in size (PM_{10}) and particulate matter of less than 2.5 microns in size ($PM_{2.5}$). The API calculation is as shown in **ANNEX**. The API is categorised as good, moderate, unhealthy, very unhealthy and hazardous as presented in **Table 1.1**.

Jadual 1.1: Indeks Pencemar Udara (IPU)
Table 1.1: Air Pollutant Index (API)

IPU / API	STATUS KUALITI UDARA / AIR QUALITY STATUS
0 – 50	Baik / Good
51 – 100	Sederhana / Moderate
101 – 200	Tidak Sihat / Unhealthy
201 – 300	Sangat Tidak Sihat / Very Unhealthy
> 300	Berbahaya / Hazardous

STATUS KUALITI UDARA

Indeks Pencemar Udara (IPU) bagi keseluruhan Malaysia pada tahun 2022 telah menunjukkan sedikit peningkatan bagi peratus IPU berstatus baik berbanding tahun 2021. Ini adalah kerana negara mengalami keadaan cuaca yang lebih lembap dan menerima hujan yang lebih banyak berbanding tahun sebelumnya yang mana keadaan ini telah mengurangkan kes-kes pencemaran udara di dalam negara. Walau bagaimanapun, pelepasan asap kenderaan, aktiviti perindustrian dan aktiviti pembakaran kawasan perladangan dan tapak pelupusan sampah masih lagi menjadi punca utama penurunan kualiti udara di Malaysia. Siri masa kepekatan purata harian $PM_{2.5}$ di kawasan Klang didapati lebih rendah pada tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021 seperti yang ditunjukkan di dalam **Rajah 1.1**. Tiada kejadian jerebu merentas sempadan direkodkan bagi tahun 2022 disebabkan oleh keadaaan cuaca yang lebih lembap sepanjang tahun dan keadaan ini telah mengurangkan jumlah bilangan titik panas (*hotspots*) di dalam negara dan di negara ASEAN terutamanya di Indonesia.

AIR QUALITY STATUS

The Air Pollutant Index (API) for the whole of Malaysia in 2022 has shown a slight increase in the percentage of good API status compared to 2021. This is due to the fact that the country experienced more humid weather conditions and received more rain than the previous year thereby reducing cases of air pollution in the country. However, vehicle emissions, industrial activities and burning activities from plantation areas and landfills were still the main causes of air quality deterioration in Malaysia. The daily average concentration of $PM_{2.5}$ in the Klang area, following scheduled dates, was found to be lower in 2022 compared to 2021 as shown in **Figure 1.1**. In addition, no transboundary haze incidents were recorded for 2022 due to wetter weather conditions throughout the year and this situation has reduced the total number of hotspots within the country and in neighbouring countries in ASEAN, particularly in Indonesia.



Rajah 1.1: Tren Kepekatan 24 jam bagi Habuk Halus ($PM_{2.5}$), Klang 2021 dan 2022
Figure 1.1: Trend of 24-hour Concentration of Particulate Matter ($PM_{2.5}$), Klang 2021 and 2022

Rajah 1.2 menunjukkan perbandingan kepekatan purata harian $PM_{2.5}$ bagi ketiga-tiga jenis kategori stesen terpilih di kawasan bandar (Klang), pinggir bandar (Kuantan) dan luar bandar (Kapit). Tren menunjukkan kepekatan purata harian $PM_{2.5}$ adalah lebih tinggi di kawasan bandar berbanding kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Tren kepekatan $PM_{2.5}$ bagi kawasan Klang menunjukkan peningkatan pada masa-masa tertentu sehingga melebihi Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia IT-2. Peningkatan $PM_{2.5}$ di pinggir bandar dan di luar bandar pula sering dikaitkan dengan aktiviti pembakaran terbuka di kawasan pertanian yang dilakukan secara sengaja dan tidak sengaja serta menyumbang kepada penurunan kualiti udara di kawasan tersebut.

Selain pencemar $PM_{2.5}$, ozon permukaan bumi (O_3) merupakan pencemar udara yang menjadi perhatian. Ia merupakan gas pencemar udara sekunder yang terhasil daripada tindak balas sebatian-sebatian organik meruap (*Volatile Organic Compounds*, VOCs) dan oksid-oksid nitrogen (NO_x) dengan kehadiran cahaya matahari. Cuaca panas menggalakkan lagi pembentukan pencemar O_3. Punca utama VOCs dan NO_x adalah daripada pelepasan industri dan ekzos kenderaan bermotor terutama di bandar-bandar besar. Ini dapat ditunjukkan berdasarkan peningkatan kepekatan O_3 di beberapa lokasi di Lembah Klang seperti yang ditunjukkan di dalam **Rajah 1.3** dan **Rajah 1.4**.

Selain kawasan di Lembah Klang, beberapa kawasan di Kedah, Perak dan Negeri Sembilan menunjukkan kepekatan maksimum harian O_3 dalam tempoh 1 jam yang hampir dan melebihi Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia seperti yang ditunjukkan di dalam **Rajah 1.5**. Keadaan ini adalah disebabkan oleh pelepasan gas-gas pencetus ozon aras bumi seperti NO_x dan VOCs di kawasan kepadatan trafik yang tinggi. Selain itu, faktor geografi dan meteorologi juga memainkan peranan penting dalam peningkatan ozon aras bumi di kawasan tersebut.

Figure 1.2 shows the daily concentrations of $PM_{2.5}$ for selected stations in three categories: urban (Klang), suburban (Kuantan) and rural (Kapit) in the country. The trend showed higher levels of $PM_{2.5}$ in the urban area compared to the suburban and rural areas. The trend of $PM_{2.5}$ concentrations for the Klang area showed an increase at certain times to exceed the Malaysian Ambient Air Quality Standard IT-2. The increase in $PM_{2.5}$ in the suburban and in rural areas were often associated with open burning activities in agricultural areas carried out intentionally and unintentionally that has contributed to the deterioration of air quality in those areas.

Besides $PM_{2.5}$, ground level ozone (O_3) remained the pollutant of concern. Ground level ozone is a secondary air pollutant that is formed as a result of the chemical reaction between Volatile Organic Compounds (VOCs) and nitrogen oxides (NO_x) in the presence of sunlight. Formation of O_3 enhances during hot and sunny days. Major sources of VOCs and NO_x emissions were from industries and motor vehicles particularly in urban areas. These are reflected in the readings of O_3 at various locations in the Klang Valley as shown in **Figure 1.3** and **Figure 1.4**.

Apart from the Klang Valley, readings in selected areas in Kedah, Perak and Negeri Sembilan indicated daily maximum 1-hour concentration of O_3 which almost and in one instance exceeded the Malaysian Ambient Air Quality Standard as illustrated in **Figure 1.5**. This was due to the release of ground ozone level precursor pollutant gases such as NO_x and VOCs in some areas with heavy traffic volumes. Furthermore, geographical and meteorological factors also play important roles in the increase of ground level ozone in these areas.



Rajah 1.2: Tren Kepekatan 24 jam bagi Habuk Halus ($PM_{2.5}$), 2022
Figure 1.2: Trend of 24-hour Concentration of Particulate Matter ($PM_{2.5}$), 2022



Rajah 1.3: Tren Kepekatan Maksimum Harian Ozon (O_3) 1 jam, Lembah Klang, 2022
Figure 1.3: Trend of Daily Maximum 1-hour Concentration of Ozone (O_3), Klang Valley 2022



Rajah 1.4: Tren Kepekatan Maksimum Harian Ozon (O_3) 1 jam, Lembah Klang, 2022
Figure 1.4: Trend of Daily Maximum 1-hour Concentration of Ozone (O_3), Klang Valley 2022



Rajah 1.5: Tren Kepekatan Maksimum Harian Ozon (O_3) 1 jam, 2022
Figure 1.5: Trend of Daily Maximum 1-hour Concentration of Ozone (O_3) 2022

STATUS KUALITI UDARA DI PANTAI BARAT

Lembah Klang

Pada tahun 2022, status kualiti udara di Lembah Klang menunjukkan semua stesen mencatatkan bacaan hari IPU sederhana yang lebih tinggi berbanding hari IPU baik sepanjang masa. Status kualiti udara di Lembah Klang secara keseluruhannya ditunjukkan seperti di **Rajah 1.6**. Putrajaya mencatatkan bilangan hari IPU baik yang tertinggi di Lembah Klang iaitu 98 hari manakala Klang mencatatkan bilangan hari IPU sederhana yang tertinggi iaitu 360 hari.

Bilangan hari IPU tidak sihat dengan rekod tertinggi adalah di Cheras (5 hari) dan diikuti oleh Banting dan Klang (2 hari) serta Batu Muda, Shah Alam dan Kuala Selangor (1 hari) seperti yang ditunjukkan di dalam **Rajah 1.7**. Tiada bilangan hari IPU tidak sihat direkodkan di stesen Putrajaya dan Petaling Jaya. Peningkatan bahan pencemar $PM_{2.5}$ seperti di Klang, pembentukan O_3 daripada pelepasan asap kenderaan di kawasan trafik yang tinggi seperti di Cheras, Batu Muda, Shah Alam dan Banting dan aktiviti pembakaran terbuka di kawasan pertanian seperti di Kuala Selangor adalah punca peningkatan bilangan hari IPU tidak sihat di Lembah Klang.

AIR QUALITY STATUS IN THE WEST COAST

Klang Valley

The air quality status in the Klang Valley shown in **Figure 1.6**. indicates that API readings for 2022 were in the moderate range for most part of the year compared to API readings in the good range. Putrajaya recorded the highest number of 'good' API readings in the Klang Valley at 98 days while Klang recorded the highest number of 'moderate' API readings at 360 days.

The highest 'unhealthy' API reading was recorded in Cheras (5 days), followed by Banting and Klang (2 days) and Batu Muda, Shah Alam and Kuala Selangor (1 day) as shown in **Figure 1.7**. Putrajaya and Petaling Jaya stations recorded zero days of 'unhealthy' readings. Increased $PM_{2.5}$ pollutants such as in Klang, the formation of O_3 from vehicle smoke emissions in high traffic areas such as in Cheras, Batu Muda, Shah Alam and Banting and open burning activities in agricultural areas such as in Kuala Selangor are the cause of the increase in the number of unhealthy days in the Klang Valley.



Rajah 1.6: Status Kualiti Udara, Lembah Klang 2022
Figure 1.6: Air Quality Status, Klang Valley 2022



	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Banting	0	5	5	20	41	45	27	7	5	19	0	5	2
Shah Alam	32	22	11	15	33	43	29	1	10	45	1	2	1
Cheras	59	48	37	30	34	52	33	9	10	32	3	4	5
Klang	6	6	13	11	34	28	11	3	8	15	0	2	2
Petaling Jaya	3	3	4	8	19	27	12	3	1	15	2	8	0
Kuala Selangor	0	0	5	2	16	20	0	0	2	13	0	0	1
Putrajaya	8	3	2	9	31	41	14	2	7	23	4	4	0
Batu Muda	17	15	25	21	43	51	29	3	1	16	0	1	1

Rajah 1.7: Bilangan Hari Tidak Sihat, Lembah Klang, 2010-2022
Figure 1.7: Number of Unhealthy Days, Klang Valley, 2010-2022

Putrajaya

Wilayah Utara

Secara keseluruhan, status kualiti udara di utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang meliputi Negeri Perlis, Negeri Kedah, Negeri Pulau Pinang dan Negeri Perak adalah pada tahap baik dan sederhana sepanjang masa. Langkawi, Kedah mencatatkan bacaan hari IPU baik yang lebih tinggi (284 hari) berbanding stesen-stesen yang lain manakala Seberang Jaya, Pulau Pinang mencatatkan bacaan hari IPU sederhana tertinggi iaitu 318 hari. Hanya stesen Tanjung Malim, Perak yang mencatatkan bacaan hari IPU tidak sihat iaitu satu (1) hari sepanjang tahun 2022 di utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang disebabkan oleh peningkatan ozon.

Rajah 1.8 menunjukkan status kualiti udara keseluruhan bagi wilayah utara di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Northern Region

Overall the air quality status of the northern region of the West Coast of Peninsular Malaysia covering Perlis, Kedah, Pulau Pinang and Perak, were within good and moderate levels most of the time. Langkawi, Kedah recorded the highest number of days with good API readings (284 days) of all other stations while Seberang Jaya, Pulau Pinang recorded the highest number of days with moderate API readings (318 days). Tanjung Malim, Perak was the only location that recorded unhealthy API readings one (1) day during 2022 in the northern region of the West Coast of Peninsular Malaysia due to increased ozone levels.

Figure 1.8 shows the overall air quality status for the northern region of the West Coast of Peninsular Malaysia.



Rajah 1.8: Status Kualiti Udara, Wilayah Utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia, 2022
Figure 1.8: Air Quality Status, Northern Region of The West Coast Peninsular Malaysia, 2022

Wilayah Selatan

Kualiti udara di Wilayah Selatan Pantai Barat Semenanjung Malaysia (Negeri Sembilan, Negeri Melaka dan Negeri Johor) adalah berada pada tahap IPU baik dan sederhana sepanjang masa. Kota Tinggi, Johor mencatatkan bilangan bacaan hari IPU baik yang tertinggi di wilayah selatan (231 hari) manakala Seremban, Negeri Sembilan mencatatkan bacaan hari IPU sederhana tertinggi (342 hari). Hanya tiga (3) stesen yang mencatatkan bacaan hari IPU yang tidak sihat iaitu Port Dickson, Negeri Sembilan (2 hari) dan Kota Tinggi, Johor (3 hari) yang disebabkan oleh pembentukan O_3 di udara daripada kepadatan trafik yang tinggi dan Larkin, Johor (1 hari) yang disebabkan oleh pelepasan $PM_{2.5}$ daripada aktiviti pembakaran pertanian.

Rajah 1.9 menunjukkan status kualiti udara secara keseluruhan bagi wilayah selatan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Southern Region

In the southern region of the West Coast of Peninsular Malaysia (Negeri Sembilan, Melaka and Johor) the air quality API readings were within good and moderate levels most of the time. Kota Tinggi, Johor recorded the highest number of days with good API readings (231 days) in the southern region, while Seremban, Negeri Sembilan recorded the highest number of days with moderate API readings (342 days). Three (3) stations recorded unhealthy API readings namely Port Dickson, Negeri Sembilan (2 days) and Kota Tinggi, Johor (3 days) due to the ozone in the air from high traffic densities, while Larkin, Johor (1 day) due to the release of $PM_{2.5}$ from crop-burning activities.

Figure 1.9 shows the overall air quality status for the southern region of the West Coast of Peninsular Malaysia.



Rajah 1.9: Status Kualiti Udara, Wilayah Selatan Pantai Barat Semenanjung Malaysia, 2022
Figure 1.9: Air Quality Status, Southern Region of The West Coast Peninsular Malaysia, 2022

STATUS KUALITI UDARA DI PANTAI TIMUR

Kualiti udara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Negeri Kelantan dan timur Negeri Johor) bagi tahun 2022 berstatus baik dan sederhana pada kebanyakan masa. Paka, Terengganu mencatatkan bilangan bacaan hari IPU baik tertinggi (240 hari) dan Kuala Terengganu, Terengganu merekodkan bacaan hari IPU sederhana tertinggi (278 hari). Tiga (3) stesen mencatatkan status kualiti udara tidak sihat di Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Rompin dan Temerloh, Pahang (2 hari) yang disebabkan oleh peningkatan kepekatan $PM_{2.5}$ akibat kebakaran hutan dan belukar di kawasan setempat serta Balok Baru, Pahang (8 hari) akibat daripada peningkatan bacaan gas sulfur dioksida daripada kawasan perindustrian yang berhampiran.

Status kualiti udara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia secara keseluruhan adalah seperti di **Rajah 1.10**.

AIR QUALITY STATUS IN THE EAST COAST

In the East Coast of Peninsular Malaysia (Pahang, Terengganu, Kelantan and East Johor) the air quality remained at good and moderate levels most of the time. Paka, Terengganu recorded the highest number of days with good API readings (240 days) in the east coast region. Kuala Terengganu, Terengganu recorded the highest number of days with moderate API readings (278 days). Three (3) stations recorded unhealthy air quality status over the year; namely Rompin and Temerloh, Pahang, with (2 days) each due to the increase in $PM_{2.5}$ concentrations as a result of forest and bush fires in the local areas, while Balok Baru, Pahang recorded (8 days) of very unhealthy API readings due to the high reading of sulphur dioxide gas from nearby industrial areas.

The overall air quality status in the East Coast of Peninsular Malaysia is shown in **Figure 1.10**.



Rajah 1.10: Status Kualiti Udara, Pantai Timur Semenanjung Malaysia, 2022
Figure 1.10: Air Quality Status, East Coast Peninsular Malaysia, 2022

STATUS KUALITI UDARA DI SABAH, LABUAN DAN SARAWAK

Kualiti udara di Sabah, Labuan dan Sarawak adalah pada tahap baik dan sederhana sepanjang masa bagi tahun 2022. Limbang merekodkan bacaan hari IPU baik yang paling tinggi di Sarawak (340 hari) dan Kimanis merekodkan bacaan hari IPU baik yang tertinggi di Sabah (355 hari). Manakala bagi Labuan, bacaan hari IPU baik lebih tinggi dicatatkan (250 hari) berbanding dengan bacaan hari IPU sederhana iaitu 114 hari. Terdapat tiga (3) stesen di Sarawak yang mencatatkan bacaan tidak sihat bagi tahun 2022 iaitu Sibu (2 hari), Sri Aman dan Kuching (1 hari) yang disebabkan oleh peningkatan kepekatan $PM_{2.5}$ akibat kebakaran hutan dan belukar di kawasan setempat.

Status kualiti udara di Sarawak secara keseluruhan ditunjukkan dalam **Rajah 1.11** dan di Sabah dan Labuan ditunjukkan dalam **Rajah 1.12**.

AIR QUALITY STATUS IN SABAH, LABUAN AND SARAWAK

The air quality in Sabah, Labuan and Sarawak remained between good to moderate levels most of the time in the year 2022. Limbang recorded the highest number of days of good API readings (340 days) in Sarawak and Kimanis recorded the highest number of days of good API readings (355 days) in Sabah. For Labuan, though, the number of days with good API readings was higher (250 days) compared to the number of days with moderate API readings, which was 114 days. There were three (3) stations in Sarawak which recorded unhealthy API readings due to the increase in $PM_{2.5}$ concentrations as a result of forest and bush fires in the local areas. These were Sibu (2 days), Sri Aman and Kuching (1 day).

The overall air quality status in Sarawak is shown in **Figure 1.11** and **Figure 1.12** shows the overall air quality in Sabah and Labuan.



Rajah 1.11: Status Kualiti Udara, Sarawak, 2022
Figure 1.11: Air Quality Status, Sarawak, 2022



Rajah 1.12: Status Kualiti Udara, Sabah dan Labuan, 2022
Figure 1.12: Air Quality Status, Sabah and Labuan, 2022

TREN KUALITI UDARA

Enam (6) pencemar udara iaitu habuk halus bersaiz 10 mikron (PM_{10}), habuk halus bersaiz 2.5 mikron ($PM_{2.5}$), ozon permukaan bumi (O_3), sulfur dioksida (SO_2), nitrogen dioksida (NO_2) dan karbon monoksida (CO) dipantau secara berterusan di 65 buah lokasi. Parameter $PM_{2.5}$ mula dipantau sepenuhnya pada tahun 2018. Tren kualiti udara dari tahun 2010 hingga 2022 ditentukan dengan mengambilkira purata data kualiti udara tahunan daripada stesen-stesen pengawasan dan merujuk kepada Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1.2**. Bagi tahun 2022, Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia IT-2 telah digunakan.

AIR QUALITY TREND

Six (6) air pollutants, namely particulate matter (PM_{10}), particulate matter ($PM_{2.5}$), ground level ozone (O_3), sulphur dioxide (SO_2), nitrogen dioxide (NO_2) and carbon monoxide (CO) were monitored continuously at 65 locations. Parameters of $PM_{2.5}$ were fully monitored from the year 2018. The air quality trend for the period 2010 to 2022 was computed by averaging annual air quality data received from the monitoring sites and referenced against the Malaysia Ambient Air Quality Standard as shown in **Table 1.2**. For 2022, Malaysia Ambient Air Quality Standard IT-2 was used.

Jadual 1.2: Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia
Table 1.2: Malaysian Ambient Air Quality Standard

PARAMETER	MASA PURATA / TIME AVERAGING	UNIT	GARIS PANDUAN SEDIA ADA / EXISTING GUIDELINES	STANDARD KUALITI UDARA AMBIEN MALAYSIA / MALAYSIAN AMBIENT AIR QUALITY		
				IT-1 (2015)	IT-2 (2018)	IT-3 (2020)
PM_{10}	1 Tahun	µg/m³	50	50	45	40
	24 Jam	µg/m³	150	150	120	100
$PM_{2.5}$	1 Tahun	µg/m³	-	35	25	15
	24 Jam	µg/m³	-	75	50	35
SO_2	1 Jam	µg/m³	350	350	300	250
		ppm	0.135	0.135	0.115	0.095
	24 Jam	µg/m³	105	105	90	80
		ppm	0.040	0.040	0.035	0.030
*CO	1 Jam	mg/m³	35	35	35	30
		ppm	30.6	30.6	30.6	26.2
	8 Jam	mg/m³	10	10	10	10
		ppm	8.75	8.75	8.75	8.75
NO_2	1 Jam	µg/m³	320	320	300	280
		ppm	0.170	0.170	0.160	0.150
	24 Jam	µg/m³	75	75	75	70
		ppm	0.040	0.040	0.040	0.037
O_3	1 Jam	µg/m³	200	200	200	180
		ppm	0.100	0.100	0.100	0.090
	8 Jam	µg/m³	120	120	120	100
		ppm	0.060	0.060	0.060	0.050

Nota: *mg/m³ IT-Interim Tier (tahun)

HABUK HALUS (PM_{10})

Tren purata tahunan kepekatan PM_{10} dalam udara ambien bagi tahun 2010 hingga tahun 2022 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1.13**. Pada tahun 2022, nilai purata kepekatan tahunan PM_{10} dalam udara ambien adalah 20 µg/m³ iaitu masih belum melebihi had yang ditetapkan dalam Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia bagi IT-2 iaitu sebanyak 45 µg/m³. Bacaan PM_{10} bagi tahun 2022 menunjukkan sedikit penurunan berbanding tahun 2021.

Berdasarkan kategori guna tanah, kawasan bandar merekodkan bacaan PM_{10} yang lebih tinggi berbanding kawasan yang lain seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1.14**. Keadaan cuaca yang lembap sepanjang tahun telah menyebabkan pengurangan aktiviti pembakaran terbuka dan menyebabkan pengurangan kepekatan PM_{10} di kawasan pinggir bandar dan pendalaman berbanding tahun 2021.

PARTICULATE MATTER (PM_{10})

The trend of the annual average levels of PM_{10} concentration in the ambient air from the year 2010 until 2022 is shown in **Figure 1.13**. In 2022, the annual average value of PM_{10} in the ambient air was 20 µg/m³ which is lower than the Malaysian Ambient Air Quality Standard IT-2 value of 45 µg/m³. The PM_{10} reading for 2022 shows a slight decrease compared to 2021.

Based on land categorisation, urban areas recorded higher PM_{10} readings than other areas as shown in **Figure 1.14**. Wet weather conditions throughout the year have led to a reduction in open burning activities and resulted in a reduction in PM_{10} concentrations in suburban and rural areas compared to 2021.



Rajah 1.13: Purata Kepekatan Tahunan Habuk Halus (PM_{10}), 2010-2022
Figure 1.13: Annual Average Concentration of Particulate Matter (PM_{10}), 2010-2022



	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Industri / Industrial	44	48	49	48	49	58	44	33	23	26	18	18	19
Bandar / Urban	42	45	46	48	46	57	44	35	28	32	22	23	23
Pinggir Bandar / Suburban	36	41	39	40	41	49	39	31	26	29	21	21	20
Latarbelakang / Background	34	36	34	34	33	49	29	25	21	22	17	19	17
Luar Bandar / Rural	30	34	39	35	36	43	32	25	22	28	17	18	17

Rajah 1.14: Purata Kepekatan Tahunan Habuk Halus (PM_{10}) mengikut Guna Tanah, 2010-2022
Figure 1.14: Annual Average Concentration of Particulate Matter (PM_{10}) by Land Use, 2010-2022

HABUK HALUS ($PM_{2.5}$)

$PM_{2.5}$ mula diukur dan dianalisis bermula pada pertengahan tahun 2017 dan mula dilaporkan di dalam Laporan Kualiti Alam Sekitar bermula pada tahun 2018. Nilai purata tahunan $PM_{2.5}$ dalam udara ambien bagi tahun 2022 adalah 12 µg/m³ iaitu rendah sedikit dari tahun 2021 dan masih belum melebihi had yang ditetapkan dalam Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia bagi IT-2 iaitu sebanyak 25 µg/m³ seperti yang ditunjukkan di dalam **Rajah 1.15**.

Berdasarkan kategori guna tanah, nilai purata kepekatan tahunan $PM_{2.5}$ tertinggi adalah di kawasan bandar dan diikuti dengan kawasan pinggir bandar, industri dan luar bandar seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1.16**. Peningkatan kepekatan $PM_{2.5}$ di udara adalah merujuk kepada aktiviti pembakaran bahan bakar daripada kenderaan, aktiviti kerja tanah dan juga kegiatan pembakaran terbuka perladangan dan tapak pelupusan sampah.

PARTICULATE MATTER ($PM_{2.5}$)

$PM_{2.5}$ began to be measured and analysed in mid-2017 and it was first reported in the Environmental Quality Report in 2018. The annual average value of $PM_{2.5}$ in the ambient air in year 2022 was 12 µg/m³ which was slightly lower than that in 2021 and much lower than the Malaysian Ambient Air Quality Standard value of IT-2 at 25 µg/m³ as shown in **Figure 1.15**.

Based on land categorisation, the highest average annual concentration values of $PM_{2.5}$ was in urban areas, followed by suburban, industrial and rural areas as shown in **Figure 1.16**. The increase in $PM_{2.5}$ concentration in the air is a result of fuel burning activities from vehicles, earthworks activities as well as open burning activities of vegetation and landfills burnings.



Rajah 1.15: Purata Kepekatan Tahunan Habuk Halus ($PM_{2.5}$), 2018-2022
Figure 1.15: Annual Average Concentration of Particulate Matter ($PM_{2.5}$), 2018-2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Industri / Industrial	14	17	10	10	10
Bandar / Urban	19	23	14	15	16
Pinggir Bandar / Suburban	17	21	13	14	13
Latarbelakang / Background	12	14	9	10	8
Luar Bandar / Rural	14	19	10	11	10

Rajah 1.16: Purata Kepekatan Tahunan Habuk Halus ($PM_{2.5}$) mengikut Guna Tanah, 2018-2022
Figure 1.16: Annual Average Concentration of Particulate Matter ($PM_{2.5}$) by Land Use, 2018-2022

OZON PERMUKAAN BUMI (O_3)

Pada tahun 2022, purata tahunan kepekatan maksimum harian ozon didapati sedikit menurun berbanding dengan tahun 2021 dengan bacaan 0.0273 ppm. Secara keseluruhannya, tren purata tahunan kepekatan maksimum ozon tempoh 8 jam dalam udara ambien adalah mematuhi had sebanyak 0.06 ppm seperti yang ditetapkan dalam Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia IT-2 dan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1.17**.

Rajah 1.18 menunjukkan kepekatan ozon permukaan bumi untuk pelbagai kategori guna tanah dari tahun 2010 hingga 2022. Bermula tahun 2018, tiada pemantauan ozon dilakukan di kawasan industri kerana untuk memberi keutamaan pemantauan ozon di kawasan bandar. Kawasan bandar mencatatkan bacaan ozon lebih tinggi disebabkan oleh jumlah trafik yang padat dan keadaan atmosfera yang kondusif menyebabkan pembentukan ozon. Pencemaran ozon permukaan bumi juga ketara di beberapa kawasan pinggir bandar disebabkan oleh pergerakan angin yang membawa pencetus pencemar ozon aras bumi iaitu oksida nitrogen (NO_x) dan sebatian organik meruap (VOC) yang kebanyakannya dilepaskan daripada kenderaan bermotor dan industri.

GROUND LEVEL OZONE (O_3)

In 2022, the annual average concentration of ozone decreased slightly compared to that of 2021 with the reading of 0.0273 ppm. The overall trend on the annual average daily maximum eight-hour ozone concentrations in ambient air were well below the limit of 0.06 ppm as stipulated in the Malaysia Ambient Quality Standard IT-2 and as shown in **Figure 1.17**.

Figure 1.18 shows the ground level ozone concentration for various land use categories between 2010 and 2022. From 2018, there has been no monitoring of ozone in industrial areas as the priority was given to the urban area monitoring. Urban areas recorded higher levels of ground level ozone due to dense traffic volume and a conducive atmospheric condition resulting in ozone formation. Ground level ozone pollution was also dominant in some sub urban areas due to downwind effect transporting ground level ozone pollutant precursors namely nitrogen oxides (NO_x) and volatile organic compound (VOC), emitted mainly from motor vehicles and industries.



Rajah 1.17: Purata Kepekatan Tahunan Ozon (O_3), 2010-2022
Figure 1.17: Annual Average Concentration of Ozone (O_3), 2010-2022



	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Industri / Industrial	0.0412	0.0402	0.0407	0.0417	0.0431	0.0463	0.0270	0.0254	0.0000	0.0000	0.0000	0.0000	0.0000
Bandar / Urban	0.0453	0.0447	0.0441	0.0457	0.0469	0.0489	0.0300	0.0309	0.0353	0.0367	0.0325	0.0317	0.0292
Pinggir Bandar / Suburban	0.0364	0.0383	0.0386	0.0370	0.0388	0.0354	0.0230	0.0254	0.0316	0.0330	0.0278	0.0266	0.0269
Latarbelakang / Background	0.0287	0.0309	0.0327	0.0335	0.0378	0.0316	0.0270	0.0193	0.0197	0.0212	0.0175	0.0180	0.0189

Rajah 1.18: Purata Kepekatan Tahunan Ozon (O_3), Mengikut Guna Tanah 2010-2022
Figure 1.18: Annual Average Concentration of Ozone (O_3) by Land Use, 2010-2022

SULFUR DIOKSIDA (SO_2)

Purata kepekatan tahunan SO_2 yang direkodkan pada tahun 2022 adalah tinggi sedikit dibandingkan dengan tahun 2021 iaitu 0.0012 ppm. Walau bagaimanapun, ia masih jauh di bawah had sebanyak 0.035 ppm seperti yang ditetapkan dalam Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia IT-2 (**Rajah 1.19**). JAS dan beberapa agensi berkaitan telah melaksanakan beberapa strategi dalam mengurangkan kepekatan SO_2 di Malaysia dan di antaranya adalah menggalakkan penggunaan bahan api berkualiti dan menggalakkan penggunaan gas asli secara meluas dalam proses industri dan kegunaan kenderaan. Mulai Januari 2020, EURO4M RON95 yang mengandungi kandungan sulfur kurang dari 50 mg/l telah dilaksanakan. Pada 1 April 2021, EURO5 Diesel yang mengandungi kandungan sulfur kurang dari 10 mg/l pula telah diperkenalkan di pasaran. Strategi-strategi ini sedikit sebanyak mempengaruhi tren pelepasan SO_2 di kawasan industri dan bandar yang menunjukkan pelepasan SO_2 hampir sentiasa menurun.

SULPHUR DIOXIDE (SO_2)

The average annual concentration of SO_2 recorded in 2022 is slightly higher when compared with 2021 which is 0.0012 ppm. However, it is still well below the limit of 0.035 ppm as stipulated in the Malaysian Ambient Air Quality Standard IT-2 (**Figure 1.19**). DOE and several related agencies have implemented several strategies to help reduce the concentration of SO_2 in Malaysia and among them is to encourage the use of better fuel quality and encourage the use of natural gas for industrial combustion processes and vehicles. Beginning January 2020, petrol EURO4M RON 95 with the sulfur content of less than 50 mg/l has been implemented. EURO5 Diesel with the sulfur content of less than 10 mg/l has been introduced in the market on 1st April 2021. These strategies to some extent have influenced the trend of SO_2 emissions in industrial and urban areas, which show that SO_2 emission is mostly on a constant decline.



Rajah 1.19: Purata Kepekatan Tahunan Sulfur Dioksida (SO_2), 2010-2022
Figure 1.19: Annual Average Concentration of Sulphur Dioxide (SO_2), 2010-2022

Rajah 1.20 menunjukkan kepekatan purata tahunan bagi SO_2 mengikut kategori guna tanah. Berdasarkan kepada rajah tersebut, keadaan menunjukkan bahawa kepekatan SO_2 di kawasan-kawasan industri, bandar dan pinggir bandar pada tahun 2022 adalah lebih tinggi sedikit

Figure 1.20 shows the annual average concentrations of SO_2 from different categories of land use. Readings show that the concentration of SO_2 in industry, urban and sub urban areas in 2022 were slightly higher than that in 2021. This indicates that the gas release from the industries

berbanding dengan tahun 2021. Ini menunjukkan bahawa pelepasan gas daripada kawasan industri dan peningkatan bilangan kenderaan di jalan raya memberi kesan kepada peningkatan gas SO_2 di udara.

and the increase in the number of vehicles on the road has affected the increase in SO_2 gas in the air.



	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Industri / Industrial	0.0022	0.0022	0.0022	0.0022	0.0026	0.0024	0.0028	0.0019	0.0009	0.0010	0.0011	0.0010	0.0011
Bandar / Urban	0.0019	0.0020	0.0018	0.0020	0.0020	0.0018	0.0023	0.0013	0.0012	0.0012	0.0012	0.0013	0.0014
Pinggir Bandar / Suburban	0.0012	0.0014	0.0015	0.0013	0.0015	0.0017	0.0013	0.0019	0.0010	0.0010	0.0010	0.0011	0.0012
Latarbelakang / Background	0.0014	0.0007	0.0009	0.0006	0.0008	0.0009	0.0010	0.0010	0.0009	0.0010	0.0012	0.0014	0.0014

Rajah 1.20: Purata Kepekatan Tahunan Sulfur Dioksida (SO_2) mengikut Guna Tanah, 2010-2022
Figure 1.20: Annual Average Concentration of Sulfur Dioxide (SO_2) by Land Use, 2010-2022

NITROGEN DIOKSIDA (NO_2)

Pada tahun 2022, kepekatan purata tahunan NO_2 adalah tinggi sedikit dibandingkan dengan tahun 2021 iaitu dengan bacaan 0.0063 ppm dan jauh berada di bawah had yang ditetapkan dalam Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia IT-2 seperti yang ditunjukkan di dalam **Rajah 1.21**. Walau bagaimanapun, kepekatan NO_2 kekal tinggi di kawasan bandar seperti yang ditunjukkan di dalam **Rajah 1.22**. Keadaan ini mungkin berpunca daripada pelepasan asap kenderaan bermotor yang mempunyai bilangan kenderaan yang amat tinggi di kawasan bandar. Anggaran beban pelepasan NO_2 menunjukkan sebanyak 67 peratus adalah daripada loji janakuasa, 25 peratus daripada pelepasan kenderaan bermotor, 7 peratus daripada industri dan 1 peratus adalah daripada lain-lain sumber.

NITROGEN DIOXIDE (NO_2)

In 2022, the NO_2 annual average concentration was slightly higher compared to 2021 which was at 0.0063 ppm, well below the Malaysia Ambient Air Quality Standard IT-2 level, as shown in **Figure 1.21**. However, NO_2 concentrations remained high in urban areas as shown in **Figure 1.22**. This situation may be due to smoke emissions from motors with a high number of vehicles in urban areas. Estimation of NO_2 emission load indicated that 67 percent were from powerplants while 25 percent from motor vehicles, 7 percent from industries and 1 percent from other sources.



Rajah 1.21: Purata Kepekatan Tahunan Nitrogen Dioksida (NO_2), 2010-2022
Figure 1.21 : Annual Average Concentration of Nitrogen Dioxide (NO_2), 2010-2022



	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Industri / Industrial	0.0105	0.0104	0.0109	0.0109	0.0110	0.0115	0.0100	0.0058	0.0037	0.0038	0.0033	0.0033	0.0024
Bandar / Urban	0.0098	0.0105	0.0101	0.0103	0.0107	0.0101	0.0110	0.0100	0.0110	0.0105	0.0081	0.0082	0.0094
Pinggir Bandar / Suburban	0.0073	0.0081	0.0083	0.0077	0.0073	0.0088	0.0066	0.0075	0.0073	0.0069	0.0056	0.0055	0.0059
Latarbelakang / Background	0.0019	0.0021	0.0022	0.0023	0.0021	0.0025	0.0030	0.0031	0.0028	0.0032	0.0025	0.0025	0.0023

Rajah 1.22: Purata Kepekatan Tahunan Nitrogen Dioksida (NO_2) mengikut Guna Tanah, 2010-2022
Figure 1.22: Annual Average Concentration of Nitrogen Dioxide (NO_2) by Land Use, 2010-2022

KARBON MONOKSIDA (CO)

Kepekatan purata tahunan CO pada tahun 2022 menunjukkan sedikit penurunan berbanding tahun 2021 iaitu dengan bacaan 0.5283 ppm dan mematuhi Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia IT-2 (**Rajah 1.23**). Bermula pada tahun 2018, tiada lagi bacaan CO direkodkan di kawasan industri.

CARBON MONOXIDE (CO)

There was a slight decrease of CO levels in 2022 compared to 2021 with a reading of 0.5283 ppm and well in compliance with the Malaysian Ambient Air Quality Standard IT-2 (**Figure 1.23**). From 2018 onwards, no more CO readings were being recorded for industrial areas.

Rajah 1.24 menunjukkan kepekatan CO untuk pelbagai kategori guna tanah di mana kawasan bandar masih merekodkan bacaan purata tahunan CO tertinggi berbanding dengan kawasan yang lain. Kepekatan CO yang signifikan adalah disebabkan oleh pelepasan dari ekzos kenderaan motor yang menyumbang sebanyak 97 peratus daripada beban pelepasan CO pada tahun 2022.

Figure 1.12 (a) shows CO concentrations for various categories of land use where urban areas still recorded the highest annual average CO readings compared to others. The significant concentration of CO was due to motor vehicle emissions that contributed to 97 percent of the CO emission load in 2022.



Rajah 1.23: Purata Kepekatan Tahunan Karbon Monoksida (CO), 2010-2022
Figure 1.23: Annual Average Concentration of Carbon Monoxide (CO), 2010-2022



	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Industri / Industrial	0.7439	0.7662	0.7576	0.7670	0.8116	0.7050	0.5527	0.6303	0.0000	0.0000	0.0000	0.0000	0.0000
Bandar / Urban	0.6933	0.7221	0.7004	0.7418	0.7923	0.6219	0.5784	0.6745	0.7247	0.7128	0.5831	0.5800	0.6003
Pinggir Bandar / Suburban	0.6541	0.6148	0.6447	0.6012	0.6258	0.5840	0.5637	0.5889	0.6329	0.6250	0.2304	0.5172	0.5052
Latarbelakang / Background	0.3357	0.3123	0.2932	0.2899	0.2886	0.3357	0.2680	0.4340	0.6170	0.6476	0.6265	0.5940	0.5190

Rajah 1.24: Purata Kepekatan Tahunan Karbon Monoksida (CO) mengikut Guna Tanah, 2010-2022
Figure 1.24: Annual Average Concentration of Carbon Monoxide (CO) by Land Use, 2010-2022

Sungai Tembeling

BAB 2
CHAPTER

KUALITI AIR SUNGAI

RIVER WATER QUALITY

PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI MANUAL

MANUAL RIVER WATER QUALITY MONITORING

672

SUNGAI / RIVERS

YANG DIPANTAU OLEH JABATAN ALAM SEKITAR

MONITORED BY THE DEPARTMENT OF ENVIRONMENT

55

STESEN / STATIONS

PEMANTAUAN DI HULU MUKA SAUK

UPSTREAM WATER INTAKES MONITORING



1353

STESEN / STATIONS

PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI MANUAL

MANUAL RIVER WATER QUALITY MONITORING



8136

PERSAMPELAN / SAMPLING

KUALITI AIR SUNGAI

RIVER WATER QUALITY



PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI AUTOMATIK

CONTINUOUS RIVER WATER QUALITY MONITORING

26 SUNGAI / RIVERS
YANG DIPANTAU OLEH JABATAN ALAM SEKITAR
MONITORED BY THE DEPARTMENT OF ENVIRONMENT

30 STESEN / STATIONS
PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI AUTOMATIK
CONTINUOUS RIVER WATER QUALITY MONITORING

17 PARAMETER / PARAMETERS
YANG DIPANTAU OLEH JABATAN ALAM SEKITAR
MONITORED BY THE DEPARTMENT OF ENVIRONMENT

PENGKELASAN KUALITI AIR SUNGAI MENGIKUT STESEN

CLASSIFICATION OF RIVER WATER QUALITY BY STATION



Kategori IKA / WQI Category

	B / C	Bersih / Clean
	ST / SP	Sederhana Tercemar / Slightly Polluted
	T / P	Tercemar / Polluted

INDEKS KUALITI AIR MENGIKUT STESEN
WATER QUALITY INDEX BY STATION

	KELAS I / CLASS I	292 STESEN / STATIONS	(21.6%)
	KELAS II / CLASS II	792 STESEN / STATIONS	(58.5%)
	KELAS III / CLASS III	253 STESEN / STATIONS	(18.7%)
	KELAS IV / CLASS IV	15 STESEN / STATIONS	(1.1%)
	KELAS V / CLASS V	1 STESEN / STATION	(0.1%)

PENGKELASAN KUALITI AIR SUNGAI MENGIKUT SUNGAI

CLASSIFICATION OF RIVER WATER QUALITY BY RIVER



Kategori IKA / WQI Category

	B / C	Bersih / Clean
	ST / SP	Sederhana Tercemar / Slightly Polluted
	T / P	Tercemar / Polluted

INDEKS KUALITI AIR MENGIKUT SUNGAI
WATER QUALITY INDEX BY RIVER

	KELAS I / CLASS I	132 SUNGAI / RIVERS	(19.6%)
	KELAS II / CLASS II	403 SUNGAI / RIVERS	(60.0%)
	KELAS III / CLASS III	129 SUNGAI / RIVERS	(19.2%)
	KELAS IV / CLASS IV	8 SUNGAI / RIVERS	(1.2%)
	KELAS V / CLASS V	0 SUNGAI / RIVER	(0.0%)

KUALITI AIR SUNGAI / RIVER WATER QUALITY

PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI MANUAL

Jabatan Alam Sekitar (JAS) meneruskan program pengawasan kualiti air sungai pada tahun 2022 bagi menentukan kualiti air sungai dan mengesan perubahan ke atas kualiti air sungai. Sampel-sampel air sungai diambil daripada stesen-stesen yang telah ditetapkan dan diukur kualitinya secara in-situ serta dihantar ke makmal untuk dianalisis bertujuan menentukan kriteria dari segi fizik-kimia dan biologi. Indeks Kualiti Air (IKA) digunakan untuk mengukur tahap pencemaran dan kesesuaian jenis guna air seperti yang digariskan oleh Standard Kualiti Air Negara (**ANNEX**).

IKA telah mengambil kira enam (6) parameter, iaitu oksigen terlarut (DO), keperluan oksigen biokimia (BOD), keperluan oksigen kimia (COD), ammoniakal nitrogen (AN), pepejal terampai (SS) dan pH.

STATUS KUALITI AIR SUNGAI

Pada tahun 2022, kualiti air sungai telah dinilai berdasarkan 8,136 sampel air sungai yang telah diambil daripada 1,353 stesen pengawasan manual yang merangkumi 672 sungai di Malaysia.

Sejumlah 495 (74%) sungai daripada 672 sungai yang dipantau telah menunjukkan IKA bersih, 148 (22%) adalah sederhana tercemar, manakala 29 (4%) tercemar (**Rajah 2.1**).

Parameter BOD, AN dan SS adalah masih menjadi indikator utama yang diukur kerana ia sangat berkaitan dengan pencemaran akibat pelepasan beban bahan pencemar sama ada daripada punca tetap atau punca tidak tetap yang boleh menjejaskan kualiti air sungai.

BOD adalah jumlah oksigen yang diperlukan oleh bakteria atau mikro organisma yang lain untuk

MANUAL RIVER WATER QUALITY MONITORING

The Department of Environment (DOE) continued the river water quality monitoring programme in 2022, which is done to determine the status of river water quality and to detect changes in river water quality. Water samples were collected from designated stations for in-situ measurement and sent to the laboratory as well, for analysis aimed at determining the criteria based on the sciences of physic-chemical and biological. The Water Quality Index (WQI) is used to indicate the level of pollution and the corresponding suitability in terms of water use according to the National Water Quality Standards for Malaysia (NWQS) (**ANNEX**).

